



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2024**

MPP 3

**SEJARAH
KERTAS 1**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



MPP 3 TAHUN 2024
SEJARAH TINGKATAN 5

Kertas 1
September/Oktober
1 jam

1249/1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu, A,B,C dan D. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak

1. Berikut merupakan lambang kebesaran yang terdapat dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Cop Mohor

Apakah kepentingan lambang kebesaran tersebut?

- A Memajukan bidang perdagangan
 - B Meningkatkan perbendaharaan
 - C Meluaskan empayar kerajaan
 - D Mengesahkan arahan sultan
2. Apakah tugas Bendahara sebagai Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka?
- A Mengawal kutipan cukai
 - B Menjaga keselamatan di laut
 - C Menguruskan perbendaharaan
 - D Menjadi ketua turus angkatan tentera
3. Parti Nasionalisme Vietnam berteraskan demokrasi, nasionalisme dan sosialisme telah melancarkan pemberontakan pada tahun 1930.
- Mengapakah parti tersebut bertindak sedemikian?
- A Menubuhkan kerajaan republik
 - B Membelakangkan ahli parlimen
 - C Memperjuangkan isu kasut
 - D Menyokong dasar terbuka
4. Maklumat berikut berkaitan kesan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke - 20.

- The Malay Mail
- The Malaya Tribune

Kedua-dua akhbar tersebut membangkitkan isu

- A mengangkat martabat wanita
- B mengasaskan dana pendidikan
- C membentuk identiti kebangsaan
- D membincangkan penubuhan persatuan

- 5 Rajah berikut merujuk kepada perjanjian yang ditandatangani selepas tamatnya Perang Dunia Pertama.



Apakah yang disarankan dalam deklarasi tersebut?

- A Saiz angkatan tentera dihadkan
- B Kuasa mutlak raja dikurangkan
- C Sempadan negara berasaskan bangsa
- D Pembentukan kerajaan bercorak republik

- 6 Berikut adalah unit khas yang ditubuhkan oleh British.

- Force 136 Ulu Perak – Askar Melayu Setia
- Force 136 Pahang – Wataniah Pahang

Apakah matlamat penubuhan unit khas tersebut?

- A Menubuhkan pasukan gerila
- B Melatih rejimen askar tempatan
- C Menentang penjajahan komunis
- D Mensabotaj infrastruktur awam

7. Mengapakah Raja-raja Melayu menentang pelaksanaan pentadbiran Malayan Union pada tahun 1946?

- I Penjajahan secara mutlak
- II Penamatan hak berpersatuan
- III Kewargenegaraan diperketat
- IV Kedaulatan politik dipersoal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Tokoh berikut berkaitan dengan peristiwa Sungkit Berdarah di Sarawak.



Rosli Dhoby

Apakah kesan daripada perjuangan tokoh tersebut?

- A Penubuhan parti politik
- B Pengiktirafan kaum minoriti
- C Pengaruh golongan kiri terhapus
- D Pengekalan pentadbiran tradisional

9. Mengapakah kerajaan British bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan wakil Kerajaan British pada 25 Julai 1946?

- A Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan
- B Menghalang kemasukan buruh asing
- C Menentukan kuasa Kerajaan Negeri
- D Merangka perlembagaan

10. Mengapakah British bersetuju untuk menggantikan perlembagaan Malayan Union 1946 dengan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Bantahan orang Melayu
- II Masalah kewangan
- III Kelemahan pemimpin
- IV Sokongan pentadbir British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Berdasarkan maklumat berikut.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948

Mengapakah perjanjian tersebut diterima oleh penduduk Tanah Melayu?

- A Zaman darurat tamat
- B Kerjasama kaum terbentuk
- C Jurang ekonomi dikurangkan
- D Kemunculan pemimpin radikal

- 12.

- Ikatan Pembela Tanah Air (PETA)
- Hizbul Muslimin

Mengapakah kedua-dua organisasi tersebut diharamkan semasa penguatkuasaan undang-undang darurat?

- A Merintis kerjasama kepartian
- B Menyuarakan kebebasan hak bersuara
- C Menyebarkan ideologi berfahaman radikal
- D Memperkasa sistem pendidikan bumiputera

13. Maklumat berikut berkaitan dengan rundingan bagi mendesak Parti Komunis Malaya (PKM) meletakkan senjata.

Tarikh	Peristiwa
28 Disember 1955	Rundingan Baling

Mengapakah rundingan tersebut gagal?

- A Perkongsian kuasa gagal dicapai
 - B Pengharaman ideologi komunis
 - C Kelonggaran syarat kerakyatan
 - D Kedudukan imigran tergugat
14. Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) telah ditubuhkan pada tahun 1950 hasil tuntutan daripada Dato' Onn Jaafar.


Apakah tujuan penubuhan RIDA?

- A Memajukan perindustrian berteknologi tinggi
 - B Memberi bantuan kemajuan luar bandar
 - C Mewujudkan masyarakat perdagangan
 - D Membantu petani menyertai koperasi
15. Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 merupakan asas kepada pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

Jawatankuasa tersebut berharap masyarakat negara kita dapat

- A memupuk semangat perpaduan
- B mengukuhkan keamanan negara
- C membasmi kemiskinan penduduk
- D memajukan ekonomi masyarakat

16. Berikut merupakan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X?

- A Penggubalan perundangan
B Pembentukan suruhanjaya
C Penentuan sempadan
D Penamaan calon
17. Portfolio pegawai British yang turut menyertai barisan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu merangkumi
- I Setiausaha Pertahanan
II Setiausaha Kewangan
III Setiausaha Perumahan
IV Setiausaha Perindustrian
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
18. Apakah perkara yang disepakati dalam Rundingan London antara Perwakilan Tanah Melayu dengan British?
- I Sempadan negara berasaskan bangsa
II Bantuan pertahanan daripada Komanwel
III Pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan
IV Perkongsian kos bayaran ganti rugi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19. Perkara manakah yang berkaitan dengan intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- A Permuafakatan parti-parti politik
- B Pengekalan taraf naungan British
- C Pengiktirafan hak istimewa orang Melayu
- D Penggunaan dwi bahasa sebagai bahasa pengantar

20. Gambar berikut merupakan ulama terkenal dari Kepala Batas, Pulau Pinang.



Sheikh Abdullah Fahim

Apakah sumbangan beliau?

- A Menyertai rombongan ke London
- B Mengasas gerakan Pan-Islamisme
- C Memberikan cadangan tarikh kemerdekaan
- D Mengemukakan memorandum draf perlembagaan

21. Maklumat dibawah berkaitan peristiwa pemasyhuran kemerdekaan.

Tarikh	Lokasi sambutan
Malam 30 Ogos 1957	Padang Kelab Selangor
Pagi 31 Ogos 1957	Stadium Merdeka

Apakah keunikan peristiwa di atas?

- A Pengamalan sistem republik
- B Perjuangan melalui rundingan
- C Kemunculan golongan intelek
- D Keseimbangan komposisi kaum

22. Apakah ciri sebuah negara berdaulat?

- A Galakan kerjasama politik
- B Terikat naungan kerajaan asing
- C Hak melaksanakan pentadbiran
- D Keadilan agihan pembedaharaan

23. Maklumat berikut berkaitan dengan undang-undang yang dilaksanakan oleh British di Negeri-Negeri Selat (NNS).

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Charter Of Justice I• Charter Of Justice II• Charter Of Justice III |
|---|

Apakah rasional pengenalan undang-undang tersebut?

- A Menghalang ketidakadilan
- B Menyekat gerakan kegamaan
- C Mengurangkan pengaruh sultan
- D Melebarkan jurang sosioekonomi

24. Maklumat berkaitan dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Perlembagaan 1963

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Struktur Mahkamah Atasan• X• Jawatan Yang di-Pertua Negeri |
|--|

Apakah X?

- A Pemansuhan kawalan adat anak negeri
- B Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo
- C Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- D Penamatan kerakyatan secara terbuka

25. Apakah peranan Majlis Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- A Menggubal pindaan perlembagaan
 - B Merangka dasar pembangunan negara
 - C Menentukan perlaksanaan agihan belanjawan
 - D Memberi nasihat pelantikan jawatan penting
26. Antara berikut, perkara manakah yang menjelaskan keistimewaan amalan demokrasi berparlimen?
- I Mengubah sempadan negeri
 - II Mengadili pertikaian pemerintah
 - III Melaksanakan pengasingan kuasa
 - IV Mewujudkan kerjasama politik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. Mengapakah Kerajaan Persekutuan diperuntukkan kuasa yang lebih besar berbanding Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan?
- A Mengekalkan keadilan untuk semua
 - B Mewujudkan kerajaan yang kuat
 - C Mengukuhkan perpaduan kaum
 - D Menyelesaikan masalah dalam negeri
28. Senarai Negeri memperuntukkan kuasa Kerajaan Negeri.
- Apakah perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri?
- A Pertahanan
 - B Kesihatan
 - C Pelajaran
 - D Tanah

29. Singapura dan Sarawak menghadapi ancaman komunis pada tahun 1960-an.

Bagaimanakah Tunku Abdul Rahman menyelesaikan ancaman tersebut?

- A Membentuk gagasan Persekutuan Malaysia
- B Menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum
- C Mewujudkan kerjasama ketenteraan bersama Indonesia
- D Memperkukuhkan hubungan diplomatik dengan Filipina

30. Rajah berikut berkaitan dengan langkah pembentukan Persekutuan Malaysia.

Tarikh	Proses Pembentukan Malaysia
Julai 1961	Jawatankuasa Setiakawan Malaysia
November 1961	Rundingan London
Januari 1962	Suruhjaya Cobbold
Ogos 1962	X

Apakah X?

- A Majlis Perundangan Persekutuan
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Jawatankuasa Eksekutif
- D Suruhanjaya Reid

- 31.

“Pemisahan Singapura merupakan perkara yang tidak dapat dielakkan”
Ucapan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam Penyata Perbahasan di Dewan Rakyat, 09 Ogos 1965

Mengapakah beliau berpandangan sedemikian?

- A Ketidakeimbangan sistem pendidikan
- B Tidak mengiktiraf parti berhaluan kiri
- C Gagal mematuhi dasar kerajaan
- D Peningkatan belanja mengurus

32. Maklumat berkaitan dengan usaha mengatasi ancaman komunis antara Parti Komunis Malaya (PKM), Malaysia dan Thailand.

Tarikh	Peristiwa
2 Disember 1989	Perjanjian Hat Yai

Perkara manakah yang dipersetujui oleh PKM dalam perjanjian tersebut?

- I Menamatkan Ganyang Malaysia
 - II Membubarkan unit bersenjata
 - III Memusnahkan jerangkap samar
 - IV Membatalkan Operasi Hammer
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
33. Berdasarkan Kajian Aminuddin Baki, sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan.
- Mengapakah sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?
- A Melahirkan tenaga kerja mahir
B Mengurangkan sekolah vernakular
C Memendekkan tempoh persekolahan
D Mewujudkan kurikulum yang seragam
34. Matlamat pembentukan Rukun Negara ialah melahirkan masyarakat progresif.
- Apakah ciri-ciri masyarakat progresif?
- I Mengikut kemajuan sains dan teknologi
 - II Mewujudkan persaingan secara positif
 - III Menjamin kebebasan dalam berpolitik
 - IV Mengamalkan nilai-nilai ketuhanan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

35. Rancangan Buku Hijau telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada 20 Disember 1974.

Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Memajukan industri desa
- B Membuka peluang pekerjaan
- C Menambahkan pengeluaran makanan
- D Meningkatkan infrastruktur awam

36. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) merupakan kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dirangka untuk tempoh 10 tahun.

Dasar tersebut bermatlamatkan

- A melahirkan tenaga kerja mahir
- B membangunkan wilayah pedalaman
- C menyeragamkan dasar kurikulum
- D mencapai integrasi nasional

37. Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Mengubah polarisasi kaum
- B Melindungi kepentingan nasional
- C Menghapus sekatan perdagangan
- D Mencampuri kedaulatan negara luar

38. Malaysia memberi sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik.

Antara berikut yang manakah sumbangan Malaysia dalam misi tersebut?

- I Congo
- II Lubnan
- III Chad-Libya
- IV Liberia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39. Malaysia telah menyertai Rancangan Colombo di bawah Komanwel.

Bagaimanakah Malaysia menjayakan rancangan tersebut?

- A menangani masalah kemiskinan
- B membincangkan isu alam sekitar
- C menyediakan kemudahan pertahanan
- D mewujudkan keamanan dunia

40. Gambar di bawah berkaitan dengan wawasan Malaysia menuju negara maju.



Komuniti ASEAN

Apakah isu yang diketengahkan dalam mempertingkatkan intergrasi negara anggota?

- A Pengurangan ekuiti asing
- B Pengamalan dasar probarat
- C Pengecualian cukai import
- D Pengiktirafan hak asasi

KERTAS SOALAN TAMAT